



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

OTI 2
TAHUN 2011
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
PERDAGANGAN
3755/1
Kertas 1

1 1/4 jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan.*
4. *Hitamkan satu ruangan sahaja bagi setiap soalan.*
5. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

Disediakan oleh:
Guru AKRAM Terengganu

Dengan kerjasama:
MPSM Negeri Terengganu


Dibiayai oleh:
Kerajaan Negeri Terengganu

TERENGGANU NEGERI ANJUNG ILMU

Dicetak oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Telefon: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak

1. Gambar 1 di bawah berkaitan dengan kehendak manusia.



Gambar 1

Faktor yang mempengaruhi kehendak manusia ialah

- I umur
 - II jantina
 - III pekerjaan
 - IV ketinggian
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV
2. Gambar 2 menunjukkan seorang pelajar menerima hadiah pelajar terbaik di Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang.



Gambar 2

Apakah keperluan manusia yang berkaitan dengan gambar di atas?


- A Keperluan fisiologi
- B Keperluan kasih sayang
- C Keperluan penghargaan
- D Keperluan sempurna sendiri

3. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Encik Hafizuddin.

Encik Hafizuddin pengusaha dan pemilik kebun Roselle di Marang. Semua hasilnya keluarannya dijual kepada Encik Ali yang memproses buah roselle untuk dijadikan jus minuman dan jem roselle. Jus dan jem roselle tersebut dijual kepada peruncit dan orang ramai di kedai miliknya.

Berdasarkan situasi di atas, pilih cabang pengeluaran yang terlibat

- A Ekstraktif dan khidmat langsung
 - B Ekstraktif dan perdagangan
 - C Ekstraktif, perkilangan dan perdagangan
 - D Ekstraktif, perdagangan dan khidmat langsung
4. Gambar 3 di bawah berkaitan dengan sejenis pengeluaran.



Gambar 3

Pilih pernyataan yang berkaitan dengan gambar di atas.

- I Aktiviti yang tidak menghasilkan barang
 - II Memerlukan orang tengah saluran agihan
 - III Membuat kunjungan dari rumah ke rumah
 - IV Memberi khidmat secara langsung kepada pelanggan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

5. Pilih pernyataan yang paling tepat tentang usahawan.
- A Usahawan mementingkan keuntungan jangka pendek
 - B Usahawan menjalankan kegiatan membeli dan menjual barang
 - C Usahawan berusaha untuk memenuhi keperluan dan kehendak manusia.
 - D Usahawan adalah orang yang menyumbangkan modal
6. Gambar 4 di bawah menunjukkan sejenis bantuan perniagaan.



Gambar 4

Bagaimanakah bantuan perniagaan di atas dapat membantu perniaga?

- I membolehkan peniaga memujuk pengguna membeli
 - II membolehkan peniaga memperkenalkan keluaran kepada pengguna
 - III membolehkan peniaga mengagihkan barang dengan segera
 - IV membolehkan peniaga meningkatkan jualan barang
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

SULIT

7. Maklumat di bawah ini merujuk kepada suatu konsep dalam pengeluaran.

- *Salah satu cabang pengeluaran*
- *Pengagihan barang*
- *Asas kepada perniagaan*

Maklumat di atas berkaitan dengan

- A Perniagaan
- B Perdagangan
- C Pengkhususan
- D Pemasaran

8. Pernyataan yang manakah merupakan fungsi peruncit?

- I Menjual beraneka jenis barang
 - II Membiayai modal pemborong
 - III Menstabilkan harga barang
 - IV Memberi khidmat selepas jualan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

9. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri suatu bentuk perniagaan runcit.

- Modal besar
- Perkhidmatan layan diri
- Beroperasi 24 jam tanpa pengawasan

Apakah bentuk perniagaan runcit tersebut?

- A Pesanan mel
- B Jualan langsung
- C Televisyen interaktif
- D Mesin peruncitan automatik

SULIT

3755/1

10. Pengeluar roti mengambil semula bekalannya yang telah tamat tarikh luput dari Kedai Runcit Irfan.

Apakah kaedah jualan yang terlibat?

- A Jualan prabayar
- B Jualan kredit
- C Jualan konsainan
- D Jualan tunai

11. Berikut merupakan dua kaedah jualan mesin jahit.

Jualan Tunai	Jualan Sewa Beli
Harga Tunai : RM1500	Bayaran pendahuluan: RM 100 Bayaran ansuran: RM 90 sebulan Tempoh bayaran: 24 bulan

Apakah kebaikan yang diperolehi jika Puan Siti membeli mesin jahit secara sewa beli?

- I Boleh menerima tempahan jahitan untuk membayar ansuran
 - II Mesin tidak akan dirampas sekiranya beliau gagal membayar ansuran
 - III Terdapat wang lebihan untuk membeli barang lain
 - IV Harga sewa beli lebih murah dari harga tunai
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D III dan IV

12. Situasi di bawah berkaitan saluran eksport.

Encik Emran merupakan pengusaha keropok terbesar di Negeri Terengganu. Beliau menghasilkan beraneka jenis keropok dan bercita-cita mengeksport keropoknya ke luar negara

Antara yang berikut, saluran eksport yang manakah sesuai digunakan?

- I Pameran dagangan
 - II Ejen pengeksport
 - III Pejabat cawangan
 - IV Kedai serbaneka
- A I dan II
B I dan III
C II dan III
D II dan IV
13. Manakah pernyataan yang menunjukkan berlakunya perniagaan import?
- A Sayur-sayuran dari Cameron Highland diedarkan kepada peniaga di seluruh negara ini
 - B Pemborong beras dari Malaysia membeli beras dari Thailand untuk dijual semula kepada Brunei
 - C Peniaga dari Singapura mendapatkan bekalan gula dari Malaysia untuk kegunaan rakyat negaranya
 - D Pemborong mendapatkan bekalan udang galah dari Sabah untuk dijual di Pasar Borong Selayang
14. Seorang pengeksport Malaysia hendak mengeksport barang ke Jepun. Pengeksport tersebut akan mendapatkan invois konsular daripada pejabat...
- A kedutaan Jepun di Malaysia
 - B pihak berkuasa kastam
 - C ejen eksport
 - D kedutaan Malaysia di Jepun

15. Antara berikut yang manakah faedah daripada pemasaran bersepadu di antara Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dengan industri berat?
- I Menambahkan modal perniagaan dan mewujudkan peluang pekerjaan
 - II Pendapatan dan aliran modal pembeli dapat mengembangkan perniagaan IKS
 - III Mutu dan kuantiti barang dapat ditingkatkan
 - IV Syarikat IKS mendapat pembiayaan daripada firma yang membeli
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV
16. Pengaturan kontrak khas ialah
- A Ikatan perjanjian sebuah firma kecil dengan firma besar yang akan membekalkan keluaran mereka kepada firma besar
 - B Pemindahan pengeluaran satu unit kecil pengeluaran daripada firma besar kepada syarikat IKS
 - C IKS membekalkan barang siap dan separa siap kepada firma besar dikenali sebagai konsep payung
 - D Mengaplikasikan Skim Perniagaan Vendor di mana pengeluar sesuatu komponen membekalkan produk kepada syarikat besar
17. Maklumat berikut menerangkan ciri suatu bidang industri pembuatan.

- Banyak menghasilkan barang pengguna
- Sumber bahan mentah diperoleh daripada industri petrokimia
- Teknologi pembuatan diperoleh daripada penyelidikan tempatan dan antarabangsa

Apakah bidang tersebut?

- A Industri komponen automotif
- B Industri berasaskan sumber
- C Industri berasaskan plastik
- D Industri berasaskan logam

18. Pihak yang bertanggungjawab mengawal, mengurus dan mentadbir sebuah syarikat sendirian berhad ialah
- A Pemiutang-pemiutang syarikat
 - B Pemegang-pemegang syer
 - C Pekerja syarikat
 - D Ahli lembaga pengarah
19. Label yang manakah menunjukkan perniagaan milikan tunggal?
- A Syarikat Hasan Husin
 - B Kedai Buku Aliudin
 - C Farmasi Lau dan Rakan-rakan
 - D Koperasi SMK Taman Dua Bhd.
20. Penggunaan cek untuk membuat pembayaran dalam kalangan peniaga amat meluas kerana
- A butiran dalam cek mudah dipinda
 - B dijamin pembayarannya oleh bank
 - C cek merupakan wang sah
 - D cek boleh dijadikan bukti pembayaran
21. Apakah peranan insurser kepada insured?
- A Memberi keuntungan
 - B Memberi pertolongan
 - C Membayar komisen
 - D Membayar pampasan
22. Cik Diana telah membeli sebuah pangsapuri di Kuala Terengganu pada 1 Jun 2010 dengan harga RM 220,000 secara tunai. Pada awal September 2010, En. Haron telah mula menyewa pangsapuri tersebut dengan kadar RM 1,400 sebulan. Pada 1 Julai 2011, Cik Diana telah menjual rumah tersebut dengan harga RM 250,000.
- Hitungkan jumlah pulangan atas pelaburan yang diperolehi oleh Cik Diana itu.
- A RM 14,000
 - B RM 30,000
 - C RM 44,000
 - D RM 74,000

23. Encik Didi telah memenangi hadiah utama peraduan makanan segera Mc Chicken bernilai RM 120,000. Beliau bercadang untuk melaburkan RM 100,000 dalam pelaburan yang berisiko rendah serta mudah ditunaikan.

Apakah jenis pelaburan yang sesuai dipilih oleh Encik Didi?

- A Komoditi
- B Saham
- C Hartanah
- D Unit Amanah

24. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis insurans.

Sebagai suami dan bapa yang bertanggungjawab terhadap isteri dan 6 orang anaknya, Encik Zuki berhasrat untuk menyediakan perlindungan kepada ahli keluarganya. Beliau sanggup membayar premium sehingga meninggal dunia.

Apakah jenis insurans yang dapat memenuhi hasratnya?

- A Insurans kemalangan peribadi
- B Insurans hayat seumur hidup
- C Insurans liabiliti am
- D Insurans hayat sementara

25. Sumber maklumat pelaburan boleh diperolehi daripada

- I remiser
 - II syarikat pajakan
 - III broker
 - IV prospektus syarikat
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

26. Antara berikut yang manakah tidak boleh diinsuranskan oleh seorang usahawan?
- A Sijil sahamnya
 - B Kilang yang baru dibinanya
 - C Gudang yang disewanya
 - D Anak kesayangannya
27. Encik Lan ingin mendapatkan pembiayaan bernilai RM 380,000 bagi membeli dua buah lori kontena, syarikat manakah yang boleh memberikan pembiayaan bagi pembelian tersebut?
- A Syarikat pemfaktoran
 - B Syarikat kewangan
 - C Syarikat Jaminan Kredit Malaysia
 - D Syarikat pajakan
28. Antara berikut yang manakah benar tentang peranan pengangkutan?
- I Menggalakkan pengeluaran besar-besaran
 - II Memudahkan kawalan dan pentadbiran perniagaan
 - III Mengelakkan lebihan dan kekurangan barang di pasaran
 - IV Membolehkan peniaga berhubung antara satu sama lain
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
29. Bagaimanakah pengangkutan dapat menstabilkan harga barang?
- A Mengurangkan kos penyimpanan stok
 - B Meluaskan pasaran perniagaan antarabangsa
 - C Mengelakkan lebihan dan kekurangan barang di pasaran
 - D Menggalakkan pengeluaran secara besar-besaran
30. Apakah kelebihan pengangkutan laut?
- A Kerja pemunggahan dapat dikurangkan
 - B Mengangkut semua jenis barang
 - C Serahan dari pintu ke pintu
 - D Ruang muatan yang luas

SULIT

3755/1


31. Mengapakah gudang berbon penting kepada kerajaan?
- A Mencegah perbuatan melarikan cukai barang
 - B Menghalang kemasukan barang persendirian
 - C Menghindar kemasukan barang berbahaya
 - D Membanteras aktiviti menyorok barang
32. Ciri gudang yang manakah dapat melindungi barang-barang daripada risiko kecurian?
- A Sistem penggera yang baik
 - B Sistem perekodan yang teratur
 - C Peralatan gudang yang lengkap
 - D Lokasi yang sesuai
33. Bagaimanakah komunikasi membantu seorang pengeksport kerepek pisang memajukan perniagaannya?
- I Mengurangkan kos penyimpanan stok
 - II Menyelaraskan permintaan dan penawaran kerepek pisang
 - III Memudahkan urusan jual beli dengan rakan dagangnya
 - IV Memudahkan perbincangan jarak jauh dengan rakan dagangnya
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

34. Puan Nora ialah pengurus Syarikat Durian Mas Sendirian Berhad yang berada di Dungun, Terengganu. Beliau terpaksa mengadakan mesyuarat tergepar jarak jauh dengan Ahli Lembaga Pengarahnya di Alor Setar, Kedah.

Apakah perkhidmatan komunikasi yang dapat membantu beliau?

- I Telefaks
 - II Telefon bimbit
 - III Sidang video
 - IV Sidang audio
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

35. Gambar 5 menunjukkan media iklan sebuah pasar raya.



Gambar 5

Mengapakah pasar raya itu memilih media tersebut?

- A Liputan luas
- B Lokasi mudah dikenal pasti
- C Memberi kesan berpanjangan
- D Maklumbalas segera dari pelanggan

36. Jenis iklan ini dibuat dengan cara menyusun, mengatur dan menghias barang niaga dan diletakkan hadapan kedai untuk menarik perhatian pengguna.
Pernyataan di atas berkaitan dengan
- A papan tanda
 - B ekspos
 - C lampu neon
 - D peragaan tingkap
37. Antara berikut, yang manakah merupakan faktor-faktor yang menentukan pemilihan media pengiklanan.
- I luas liputan iklan
 - II saiz iklan
 - III tujuan iklan
 - IV jenis keluaran
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
38. Antara yang berikut, agensi kerajaan manakah terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan?
- A Perbadanan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC)
 - B Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
 - C Taman Teknologi Malaysia (TPM)
 - D Majlis Amanah Rakyat (MARA)

39. Gambar 6 menunjukkan dua orang wanita sedang membeli belah di sebuah pasar raya.



Gambar 6

Apakah hak pengguna yang perlu diperoleh dalam situasi tersebut?

- I Hak mendapat pendidikan pengguna
 - II Hak menikmati alam sekitar yang sihat
 - III Hak membuat pilihan terhadap barang
 - IV Hak mendapat maklumat terhadap barang yang dibeli
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
40. Antara berikut yang manakah merupakan bukti bahawa peniaga bertanggungjawab terhadap masyarakat?
- A Menjalankan penyelidikan dan pembangunan untuk meningkatkan mutu keluaran
B Menentukan ketepatan timbangan dan sukatan barang jualannya
C Membayar cukai pendapatan
D Menyediakan tempat dan suasana kerja yang selamat

KERTAS SOALAN TAMAT



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

OTI 2
TAHUN 2011
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
PERDAGANGAN
3755/2
Kertas 2

2 jam

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab **tiga** soalan daripada **Bahagian A** dan satu soalan wajib di **Bahagian B.***
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

Disediakan oleh:
Guru AKRAM Terengganu

Dengan kerjasama:
MPSM Negeri Terengganu


Dibiayai oleh:
Kerajaan Negeri Terengganu

TERENGGANU NEGERI ANJUNG ILMU

Dicetak oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Telefon: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

1. a) Gambar 1 di bawah berkaitan dengan keperluan manusia.



Gambar 1

Jelaskan keperluan tersebut.

[3 markah]

- b) Gambar 2 di bawah menunjukkan perbualan antara seorang murid dengan cikgu Alias.



Gambar 2

Mengapakah cikgu Alias berpendapat begitu?

[6 markah]

- c) Usahawan merupakan individu yang menggabungkan faktor-faktor pengeluaran bagi menghasilkan barangan. Jelaskan **empat** sumbangan usahawan.


[4 markah]

- d) Pengkhususan yang diamalkan dalam pengeluaran mempunyai beberapa kelemahan. Jelaskan.

[6 markah]

- e) Syarikat Pakaian Adik Sendirian Berhad adalah sebuah syarikat baru yang mengeluarkan dan mengedarkan pelbagai jenis pakaian kanak-kanak.
Terangkan bagaimana pengangkutan dan insurans membantu menjayakan perniagaan tersebut. [6 markah]

2. a) Rajah di bawah menunjukkan hubungan pemborong kepada pengeluar dan peruncit.



- Berikan **tiga** peranan pemborong kepada pengeluar dan peruncit. [6 markah]
- b) Pernyataan di bawah menerangkan situasi perniagaan borong dan runcit.

Pasar Borong Kuala Terengganu diwujudkan oleh kerajaan untuk memudahkan pemasaran barang-barang kepada kumpulan sasaran. Barang-barang yang diniagakan termasuklah ikan, ayam, daging lembu, kambing, buah-buahan, sayur-sayuran, bunga-bunga dan sebagainya

Kedai Runcit Mesra menyediakan pelbagai kemudahan kepada penduduk sekitar mendapatkan barang-barang keperluan dan kehendak dengan mudah dan menjimatkan masa

- i. Terangkan persamaan di antara perniagaan borong dan perniagaan runcit. [4 markah]
- ii. Nyatakan **tiga** ciri perniagaan borong dan perniagaan runcit. [6 markah]

- c) Rajah di bawah berkaitan dengan dokumen perniagaan dalam negeri.

ASAL	PERABOT MOTAWA 10A Jalan Wakaf Tembesu 21300 Kuala Terengganu Tel: 09-6674450	No. NX: 0001
-------------	---	---------------------

DOKUMEN X

Kepada:
Lingai Perabot
Maras
21020 Kuala Terengganu

Tarikh : 20 Jun 2011

Akaun tuan telah dipinda dengan perkara berikut:

Tarikh	Barang	Harga seunit (RM)	Amaun (RM)
	Bayaran terkurang atas 20 botol Cuka yang tidak diinvoiskan		
	Tolak: Diskaun niaga 10%		
	Jumlah		

(Ringgit :)

K. & K. Di K.

Hj. Tahir
Pengurus

ASAL	PERABOT MOTAWA 10A Jalan Wakaf Tembesu 21300 Kuala Terengganu Tel: 09-6674450	No. NY: 0001
-------------	---	---------------------

DOKUMEN Y

Kepada:
Lingai Perabot
Maras
21020 Kuala Terengganu

Tarikh : 18 Jun 2011

Akaun tuan telah dipinda dengan perkara berikut:

No.rujukan	Barang	Harga seunit (RM)	Amaun (RM)
TT 207	10 botol kicap rosak dipulangkan kembali	20.00	200.00
	Tolak: Diskaun niaga 10%		20.00
	Jumlah		180.00

Barang dipulangkan kerana rosak
(Ringgit : Seratus ratus lapan puluh sahaja)

Syarat : 10 % 7 hari, 5 % 14 hari
K. & K. Di K.

Hj. Tahir
Pengurus

- i. Namakan dokumen X dan Y. [2 markah]
- ii. Berdasarkan dokumen X kirakan jumlah bayaran tambahan yang perlu dibayar kepada Perabot MOTAWA sekiranya harga sebotol kicap ialah RM 2.00. [3 markah]
- iii. Berikan **dua** keadaan yang membolehkan dokumen X dan Y digunakan. [4 markah]


3. a) Gambar 3 di bawah menunjukkan dialog antara Encik Omar, seorang pengusaha Industri Kecil dan Sederhana dengan rakannya, Encik Mustaffa.



Gambar 3

- i. Terangkan **tiga** masalah yang dihadapi oleh Encik Omar? [6 markah]
 - ii. Terangkan **tiga** sumbangan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) kepada negara. [6 markah]
- b) Syarikat Mas Enterprise pengeluar keropok keping jenama Selar untuk dipasarkan ke Arab Saudi. Proses penghasilan keropok dilakukan mengikut piawaian kualiti yang ketat bagi menjamin kualiti keropok. Ini kerana kerajaan Arab Saudi menetapkan syarat semua produk makanan yang dieksport ke negaranya mestilah menepati piawaian kualiti.
- i. Apakah jenis perniagaan di atas? [1 markah]
 - ii. Huraikan mengapakah perniagaan di atas wujud? [4 markah]
 - iii. Apakah halangan yang akan dihadapi oleh Syarikat Mas Enterprise apabila menjalankan perniagaan tersebut? [4 markah]
- c. Terangkan **dua** perbezaan antara perniagaan antarabangsa dengan perniagaan dalam negeri. [4 markah]

4. Rajah di bawah berkaitan jenis pulangan pelaburan.



- a) i) Jelaskan X? [2 markah]
ii) Jelaskan **dua** jenis pelaburan yang menghasilkan pulangan X. [4 markah]
- b) Petikan di bawah berkaitan permohonan kad kredit.

Antara langkah terbaru yang diumumkan oleh Timbalan Gabenor Bank Negara, Nor Shamsiah Mohd Yunus pada taklimat medianya kelmarin berkata, Bank Negara telah menaikkan had minimum pendapatan tahunan dari RM18,000 kepada RM24,000 setahun bagi kelayakan untuk pemohon baru untuk mendapatkan kemudahan kad plastik itu. Peraturan lain ialah mereka yang berpendapatan sehingga RM36,000 samada pemohon baru atau pemegang kad yang sedia ada, hanya layak memegang kad itu dari dua bank sahaja. Sebelum ini ada yang memegang hingga lapan kad kredit dalam satu-satu masa.

(Berita Harian, 19 Mac 2011)

Mengapakah pengguna masih terus berminat untuk mendapatkan kad kredit walaupun syarat permohonannya telah diperketatkan? [5 markah]

- c) Gambar 4 di bawah adalah logo korporat sejenis bank di negara kita.



Gambar 4

- i. Namakan jenis bank tersebut. [1 markah]
 - ii. Berikan **empat** peranan utama bank tersebut. [4 markah]
- d) Dato' Azhar seorang penasihat pelaburan sebuah badan pelaburan bumiputera ternama telah mengemukakan pendapat berikut kepada para pelabur dalam Seminar Potensi Pelaburan Bumiputera di Putrajaya baru-baru ini.




....peperangan yang berlaku di Iraq dan Afghanistan, gempa bumi di Jepun...semua itu mempengaruhi harga saham di Bursa Malaysia. Perkara tersebut adalah di luar kawalan kita. Namun begitu, kita masih boleh berusaha mengawal harga saham melalui *faktor dalaman* itu...

Terangkan **tiga** faktor dalaman tersebut yang dimaksudkan oleh Dato' Azhar. [3 markah]

- e) Jelaskan **tiga** faktor yang mempengaruhi kadar premium insurans kebakaran.

[6 markah]

5. a) Gambar 5 di bawah menunjukkan lesen kenderaan bermotor atau cukai jalan.



Gambar 5

- i. Nyatakan agensi yang bertanggungjawab mengeluarkan dokumen di atas.
[1 markah]
 - ii. Selain peranan tersebut, terangkan peranan-peranan lain agensi yang dinyatakan di 5(a) i.
[8 markah]
- b) Pernyataan berikut berkaitan Sistem Pengangkutan Antarabangsa Routier (TIR).
- Sistem Pengangkutan Antarabangsa Routier atau TIR (Transport International Routier) diamalkan di peringkat perniagaan antarabangsa.
- i. Apakah yang dimaksudkan dengan sistem tersebut?
[2 markah]
 - ii. Terangkan bagaimana sistem ini dijalankan.
[4 markah]
- c) Pengurus Pembangunan Sumber ibu pejabat Pasar Raya Berjaya Berhad di Kuala Lumpur ingin menyampaikan satu sesi latihan dalam keadaan sebenar kepada kakitangan jualan di cawangan Kuala Terengganu. Dalam sesi itu pengurus akan menunjukkan kaedah dan teknik yang berkesan dalam melayan pelanggan.
- i. Apakah perkhidmatan paling sesuai untuk situasi tersebut?
[1 markah]
 - ii. Nyatakan kelebihan perkhidmatan yang dipilih.
[3 markah]

- d) Pernyataan berikut berkaitan ciri gudang.

Sebuah gudang yang baik mesti di tempatkan di lokasi yang strategik seperti di pelabuhan, ada kemudahan infrastruktur dan juga kawasan yang luas.

Selain ciri di atas, terangkan **tiga** ciri lain bagi sebuah gudang yang baik. [6 markah]

Bahagian B

[25 markah]

Soalan ini **wajib** dijawab

6. Encik Najmi adalah seorang peniaga yang menjalankan kegiatan mengeksport barang. Perniagaannya dikenali sebagai Agensi Eksport NAJ Sdn.Bhd. Agensi ini sudah ditubuhkan sejak 10 tahun yang lalu dan ianya dikenali oleh hampir semua usahawan tempatan. Antara industri yang sering berurusan dengan Agensi Eksport NAJ Sdn. Bhd. ialah industri barangan plastik dan getah. Oleh itu ramai pengimport di luar negara terutamanya dari Jepun dan Amerika Syarikat menggunakan agensi ini apabila mengimport barang buatan Malaysia untuk dipasarkan di negara masing-masing.

Agensi ini akan cuba untuk menguruskan secepat mungkin pesanan yang diterima dari pengimport, jadi mereka akan mendapatkan bekalan barang daripada pengeluar yang mempunyai stok yang sedia ada. Walau bagaimana pun kadangkala para pengimport akan menyatakan secara khusus nama pengeluar barang yang mereka kehendaki. Hal ini mungkin melewati penyediaan dan penghantaran barang berkenaan.

Prosedur mengeksport melibatkan banyak urusan yang perlu diselesaikan. Selain membeli polisi insuran, agensi ini juga perlu menyediakan segala dokumen yang diperlukan seperti invoice eksport, bil muatan, sijil asal usul dan sebagainya. Untuk memastikan segala urusan berjalan lancar, Encik Najmi membeli tiga buah van secara sewa beli. Setelah barang disediakan, Agensi Eksport NAJ Sdn. Bhd. akan menghantar pesanan ke pelabuhan apabila menerima arahan daripada syarikat perkapalan. Pernah beberapa kali pesanan seperti barangan plastik telah ditolak oleh pengimport kerana didapati barang tersebut rosak apabila tiba di negara pengimport. Oleh yang demikian barangan tersebut terpaksa dihantar dengan menggunakan kapal terbang untuk mengelakkan daripada masalah itu berulang lagi.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan berikut:

- a) i. Nyatakan jenis perniagaan yang dijalankan oleh Agensi Eksport NAJ Sdn. Bhd.
[1 markah]
- ii. Berikan **empat** kebaikan bagi jenis perniagaan di (a) (i) kepada sesebuah negara.
[4 markah]
- b) Jelaskan **dua** jenis inden yang diterima oleh Agensi NAJ Sdn. Bhd. dari pengimport di luar negara.
[6 markah]

- c) Mengapakah Agensi Eksport NAJ Sdn. Bhd. membeli kenderaan dengan menggunakan kaedah sewa beli? [5 markah]
- d) Apakah kebaikan menghantar barang dengan menggunakan kapal terbang? [4 markah]
- e) Terangkan peranan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam membantu usahawan bumiputera. [5 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT



**JABATAN PELAJARAN TERENGGANU
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

OTI 2
TAHUN 2011
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
PERDAGANGAN
3755

SKIMA JAWAPAN

**KERTAS 1
KERTAS 2**

Disediakan oleh:
AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai oleh:
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Dicetak oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn Bhd
Tel: 609-666 8611/8601 Faks: 609-666 0611/0063

PERATURAN PERMARKAHAN SOALAN PERCUBAAN PERDAGANGAN 3755/I 2011

1	A	11	B	21	D	31	A
2	C	12	A	22	C	32	A
3	C	13	C	23	D	33	D
4	B	14	A	24	B	34	D
5	C	15	A	25	C	35	B
6	B	16	A	26	C	36	D
7	B	17	C	27	B	37	C
8	B	18	D	28	B	38	B
9	D	19	B	29	C	39	D
10	C	20	D	30	D	40	A

PERATURAN PERMARKAHAN SOALAN PERCUBAAN PERDAGANGAN 3755/2 2011

Soalan				Fakta dan Isi jawapan		Markah	
I	a			Apakah keperluan tersebut ?		3	Mak
				F 1 Keperluan asas / Fisiologi H1 Keperluan asas/mesti dipenuhi dahulu C1 makanan, pakaian, tempat tinggal	1 1 1	3	
	b			Mengapakah cikgu Alias berpendapat begitu?		6	
				H1 Pengeluaran langsung mengeluarkan barang secara kecil-kecilan H2 Hanya untuk memenuhi keperluan sendiri H3 Pengeluaran tak langsung mengeluarkan barang secara besar-besaran H1 Wujudnya pengkhususan / pembahagian kerja H2 Meningkatkan kecekapan H3 Menjimatkan masa, dan kos H4 Menyebabkan keluaran lebih banyak H5 Dijual kepada orang lain / mewujudkan perniagaan H6 Hasil jualan dapat memenuhi keperluan atau kehendak	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1	6	
	c			Nyatakan empat peranan usahawan.		4	
				H1 Memenuhi keperluan dan kehendak pengguna H2 Menyediakan peluang pekerjaan H3 Meningkatkan taraf hidup H4 Penemuan dan ciptaan baru H5 Menyumbang kepada pembangunan negara H6 Menggalakkan pertukaran wang asing.	1 1 1 1 1 1	4	
	d			Pengkhususan yang diamalkan dalam pengeluaran mempunyai beberapa kelemahan. Jelaskan		6	
				H1 Pekerja menjadi bosan H2 Melakukan kerja yang berulang setiap hari H3 Tiada kreativiti kerana melakukan kerja yang sama H4 Peningkatan kos pembelian mesin H5 Saling bergantung antara satu sama lain H6 Semua kerja mudah tergendala H7 Pengangguran mudah berlaku	1 1 1 1 1 1 1	6	
	e			Terangkan bagaimana pengangkutan dan insurans membantu menjayakan perniagaan tersebut.		6	
				Pengangkutan H1 Untuk membawa/mengagih pakaian H2 Dari tempat pengeluaran ke tempat diperlukan H3 Pengguna dapat menikmati barang dengan cepat H4 Contoh jenis pengangkutan- lori, kapal, kapal terbang	1 1 1 1	3m	

				Insurans	1	
				H1 peniaga mendapat perlindungan daripada risiko-risiko	1	
				H2 seperti kebakaran / kecurian stok / aset tetap dan lain-lain aset	1	
				H3 dengan membayar sejumlah premium yang kecil	1	
				H4 peniaga mendapat ganti rugi apabila berlaku risiko yang diinsuranskan		3m
				H5 Peniaga dapat meneruskan perniagaan dengan lebih yakin		

Soalan			Fakta dan Isi jawapan	Markah	
2		a	Tiga peranan pemborong kepada pengeluar dan peruncit.	6	Max
			Peranan kepada pengeluar		
			H1- Membeli secara pukal dan pecah pukal	1	
			H2- Mengurangkan kos pergudangan	1	
			H3- Mengurangkan kos pengangkutan	1	
			H4- Pengendalian pasaran	1	
			H5- Memberi maklumat pasaran	1	3
			Peranan kepada peruncit		
			H1- Membekalkan beraneka jenis barang	1	
			H2- Memberi kemudahan kredit	1	
			H3- Menghantar barang kepada peruncit	1	
			H4- Menyimpan stok yang mencukupi	1	
			H5- Memberi maklumat dan nasihat.	1	3
	b.	i	Persamaan diantara perniagaan borong dan perniagaan runcit.	4	
			H1 - Aktiviti pengagihan barang	1	
			H2- Membeli barang untuk dijual semula	1	
			H3 - Bermotifkan keuntungan	1	
			H4 - Memenuhi keperluan dan kehendak pengguna	1	
			H5 - Mengagihkan barangan kepada pengguna akhir bagi memenuhinya	1	
			H6 - Melakukan aktiviti pecah pukal	1	
			H7 - Mereka melakukan aktiviti mengggred, membungkus, menimbang, melabel dan sebagainya.	1	
			H8 - Bertindak sebagai sumber maklumat pasaran.	1	4
		ii	Tiga ciri perniagaan borong dan runcit	6	
			F1 - Kedudukan dalam saluran agihan	1	
			H1a - Pemborong berfungsi sebagai orang tengah antara pengeluar dan peruncit	1	
			H1b - Peruncit berfungsi sebagai orang tengah antara pemborong dengan pengguna akhir	1	
			F2 - Saiz pembelian barang	1	
			H2a - Pemborong membeli secara pukal daripada pengeluar.	1	
			H2b - Peruncit membeli dalam kuantiti kecil daripada pemborong	1	

			F3 - Saiz modal H3a - Pemborong memerlukan modal yang besar H3b - Peruncit memerlukan modal yang kecil F4 - Kemudahan pergudangan H4a - Pemborong menyediakan pergudangan untuk menyimpan pukal daripada pengeluaran. H4b - Peruncit kecil-kecilan tidak menyediakan kemudahan gndang F5 - Hiasan dan peragaan barang. H5b- Perborong tidak melakukan peragaan dan hiasan barang. H5b - Peruncit melakukan hiasan dan peragaan tingkap untuk menarik pengguna	1 1 1 1 1 1 1 1 1	6
c	i.		Namakan dokumen X dan Y	2	
			Dokumen X ialah nota debit Dokumen Y ialah nota kredit	1 1	2
	ii.		Merujuk dokumen X kirakan jumlah yang perlu dibayar kepada Perabot MOTAWA sekiranya harga sebotol Kicap RM2.00.	3	
			RM2.00 x 20 botol = RM400.00 RM400.00 x 10% = RM40.00 Jumlah perlu bayar RM400 - RM40 = RM360.00	1 1 1	3
	iii		Berikan duakan keadaan yang membolehkan dokumen X dan Y digunakan.	4	
			Nota Debit - : H1- Akaun berkurang caj H2- Dikenakan bayaran angkutan, komisen atau faedah H3- Barang dihantar tidak dicatatkan dalam invois H4- Pembeli gagal memulangkan bekas kosong yang belum dikenakan bayaran H5- Bayaran serahan/cukai jualan tertinggal dalam invois H6- Harga dalam invois kurang daripada yang tercatat dalam senrai harga Nota Kredit - : H1- pembeli memulangkan barang yang rosak, pecah atau tersalah jenis H2- pulangan bekas, tin atau kotak kosong yang sudah dikenakan bayaran H3- pembeli dikenakan caj berlebihan H4- Pembeli diberikan komisen/diskaun kerana membayar segera.	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1	4

Soalan			Fakta dan Isi jawapan	Markah	
3	a	i	Terangkan tiga masalah yang dihadapi oleh Encik Omar.	6	
			F1 - Masalah modal	1	
			H1a - modal terhad	1	
			H1b - sukar dapat pinjaman	1	
			F2 - Masalah tenaga buruh/pekerja	1	
			H2 - kebanyakan pekerjaanya adalah kurang mahir/separuh mahir	1	
			F3 - Masalah teknologi pengeluaran	1	
			H3 - menggunakan teknologi rendah/kurang menggunakan teknologi moden	1	
			F4 - Masalah pasaran	1	
			H4 - terhad/tidak mampu bersaing	1	6
		ii.	Terangkan tiga sumbangan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) kepada negara.	6	
			F1 - Meningkatkan tabungan dalam ekonomi	1	
			H1 - tabungan IKS adalah sumber penting kepada tabungan Negara	1	
			F2 - Mengurangkan kadar pengangguran	1	
			H2 - kaedah intensif buruh mewujudkan banyak peluang pekerjaan	1	
			F3 - Pengagihan pendapatan negara	1	
			H3 - menawarkan pekerjaan kepada pekerja kurang mahir	1	
			F4 - memberi latihan kepada pekerja dan pengusaha	1	
			H4 - menyediakan pelbagai kemahiran untuk pekerja/latihan dan pengetahuan kepada pengusaha	1	
			F5 - mengukuh struktur asas industri negara	1	
			H5 - hubungalin yang baik antara IKS dengan firma besar dan syarikat Antarabangsa	1	
			F6 - Mengurangkan import barang pengguna	1	
			H6 - pengeluaran barang tempatan membolehkan pengguna membeli barang tempatan	1	6
	b	i	Apakah jenis perniagaan di atas?	1	
			Perniagaan antarabangsa/perniagaan luar negeri	1	1
		ii.	Huraikan mengapakah perniagaan di atas wujud?	4	
			F1 - Perbezaan alam semula jadi	1	
			H1 - iklim/bentuk muka bumi/tanah berbeza/bahan semulajadi yang berlainan /bahan mentah	1	
			C1- contoh/Malaysia sesuai untuk penghasilan keropok	1	
			F2 - Perbezaan kos pengeluaran	1	
			H2 - kos pengeluaran antara negara berbeza/ada yang lebih rendah antara negara lain	1	
			C2 - contoh/kos mengeluarkan/menghasilkan keropok di Malaysia lebih rendah	1	
			F3 - Perbezaan tingkat teknologi	1	
			H3 - kepakaran/pengetahuan/kemahiran yang berbeza antara negara / maklumat /ilmu	1	
			C3 - contoh/Malaysia mempunyai kepakaran dalam bidang penghasilan	1	

			keropok keping F4 - Hubungan antarabangsa H4 - untuk mewujudkan hubungan diplomatik pelbagai hala / mempererat hubungan antara negara C4 - contoh/Malaysia mengeksport keropok keping ke Arab Saudi	1 1 1	4																											
	iii		Apakah halangan yang akan dihadapi oleh Syarikat Mas Enterprise apabila menjalankan perniagaan tersebut?	4																												
			F1 - Masalah bahasa/komunikasi H1 - kerana berlainan bahasa F2 - Masalah pertukaran mata wang asing H2 - kerana kadar yang berubah-ubah F3 - Masalah sukatan dan timbangan H3 - seperti sukatan panjang, berat, isipadu dan lain-lain/contoh F4 - Kesukaran membuat bayaran H4 - kerana perniagaan dijalankan melalui ejen/menghalang perniagaan secara bebas/ideology/peraturan kastam/kuota/tariff berbeza F5 - Perbezaan kebudayaan H5 - sukar memahami kehendak/citarasa F6 - Masalah pengangkutan-jarak jauh/kos/jenis H6 - risiko kerosakan dan kehilangan tinggi/kos insurans tinggi	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1	4																											
	c		Terangkan dua perbezaan antara perniagaan antarabangsa dengan perniagaan dalam negeri.	4																												
			<table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th>Perniagaan dalam negeri</th> <th>Perniagaan luar negeri</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Kegiatan jual beli antara sesebuah negara lain/melempi sempadan</td> <td>Aktiviti jual beli yang berlaku dalam negara</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Matawang yang digunakan adalah sama</td> <td>Matawang yang digunakan adalah berbeza/kadar pertukaran sering berubah</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>Terdiri daripada perniagaan runcit/borong</td> <td>Melibatkan import/eksport/entreport</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>Kerumitan pembayaran.Guna bil perintah/kredit berdokumen</td> <td>Bayaran dilakukan dengan cek/tunai/draf bank/cara pembayaran mudah</td> </tr> <tr> <td>5</td> <td>Tidak banyak sekatan kepada peniaga tempatan</td> <td>Wujud pelbagai sekatan seperti kuota,tariff dan embargo</td> </tr> <tr> <td>6</td> <td>Bahasa yang digunakan adalah sama</td> <td>Bahasa yang digunakan adalah berbeza</td> </tr> <tr> <td>7</td> <td>Sukatan dan timbangan berbeza dari segi berat / panjang/isi padu</td> <td>Sukata/ukuran yang digunakan adalah sama</td> </tr> <tr> <td>8</td> <td>Dokumentasi yang digunakan adalah sama</td> <td>Dokumentasi yang digunakan adalah berbeza</td> </tr> </tbody> </table>		Perniagaan dalam negeri	Perniagaan luar negeri	1	Kegiatan jual beli antara sesebuah negara lain/melempi sempadan	Aktiviti jual beli yang berlaku dalam negara	2	Matawang yang digunakan adalah sama	Matawang yang digunakan adalah berbeza/kadar pertukaran sering berubah	3	Terdiri daripada perniagaan runcit/borong	Melibatkan import/eksport/entreport	4	Kerumitan pembayaran.Guna bil perintah/kredit berdokumen	Bayaran dilakukan dengan cek/tunai/draf bank/cara pembayaran mudah	5	Tidak banyak sekatan kepada peniaga tempatan	Wujud pelbagai sekatan seperti kuota,tariff dan embargo	6	Bahasa yang digunakan adalah sama	Bahasa yang digunakan adalah berbeza	7	Sukatan dan timbangan berbeza dari segi berat / panjang/isi padu	Sukata/ukuran yang digunakan adalah sama	8	Dokumentasi yang digunakan adalah sama	Dokumentasi yang digunakan adalah berbeza	2 2 2 2 2 2 2	4
	Perniagaan dalam negeri	Perniagaan luar negeri																														
1	Kegiatan jual beli antara sesebuah negara lain/melempi sempadan	Aktiviti jual beli yang berlaku dalam negara																														
2	Matawang yang digunakan adalah sama	Matawang yang digunakan adalah berbeza/kadar pertukaran sering berubah																														
3	Terdiri daripada perniagaan runcit/borong	Melibatkan import/eksport/entreport																														
4	Kerumitan pembayaran.Guna bil perintah/kredit berdokumen	Bayaran dilakukan dengan cek/tunai/draf bank/cara pembayaran mudah																														
5	Tidak banyak sekatan kepada peniaga tempatan	Wujud pelbagai sekatan seperti kuota,tariff dan embargo																														
6	Bahasa yang digunakan adalah sama	Bahasa yang digunakan adalah berbeza																														
7	Sukatan dan timbangan berbeza dari segi berat / panjang/isi padu	Sukata/ukuran yang digunakan adalah sama																														
8	Dokumentasi yang digunakan adalah sama	Dokumentasi yang digunakan adalah berbeza																														

Soalan			Fakta dan Isi jawapan	Markah	
4	a	i	Jelaskan X.	2	
			H1 – Dividen H2 – yang dibayar tunai/berdasarkan keuntungan H3 – berdasarkan nilai tara saham/tidak mengikut harga semasa H4 – Dividen stok/agihan stok terdiri daripada unit syer	1 1 1 1	2
		ii	Jelaskan jenis pelaburan yang menghasilkan pulangan X.	4	
			Jenis pelaburan yang menghasilkan pulangan X F1- Saham H1a - merupakan gabungan syer H1b - dikeluarkan oleh syarikat awam berhad H1c - pemegang saham adalah pemilik syarikat H1d - contoh: saham MAS/ Telekom/ contoh yang sesuai. F2 – Unit amanah/ amanah saham/ saham amanah H2a- Pelaburan yang mengumpulkan wang daripada orang ramai H2b- Diuruskan oleh pengurus profesional bagi pihak pelabur. H2c- Dana dilaburkan dalam pasaran saham/ harta tanah/ gilts H2d- contoh: ASN/ ASB/ contoh yang sesuai.	1 1 1 1 1 1 1 1 1	4
	b		Berdasarkan petikan taklimat media di atas, mengapakah pengguna masih terus berminat untuk mendapatkan kad kredit walaupun syarat permohonannya telah diperketatkan?	5	
			H1 – diterima gedung perniagaan seluruh dunia/tidak perlu menukar wang kepada matawang asing ketika membayar H2 – tidak perlu membawa tunai yang banyak H3 – boleh membuat pembayaran berkala/premium insurans/contoh yang sesuai H4 – lambang ketinggian status/taraf hidup/prestij H5 – boleh membuat pembelian terus/membuat tempahan melalui internet H6 – mendapat mata ganjaran/ditukar dengan hadiah menarik H7 – kemudahan mengeluarkan wang di seluruh dunia H8 – selamat dari risiko kecurian/kehilangan wang	1 1 1 1 1 1 1 1	5
	c	i	Namakan jenis bank yang mempunyai logo tersebut.	1	
			Bank Pusat	1	1
		ii	Berikan empat peranan utama bank tersebut.	4	
			Peranan utama: H1 – Mengeluar/mengawal matawang H2 – Jurubank kerapa kerajaan H3 – Penasihat kewangan kepada kerajaan H4 – Melaksanakan dasar-dasar kewangan kerajaan H5 – Jurubank kepada bank perdagangan/tempat pinjaman terakhir bank perdagangan H6 – Menyediakan tempat penjelasan cek H7 – Mengawalselia penghantaran/pemindahan wang keluar negara	1 1 1 1 1 1 1	4

d		Terangkan 3 faktor dalaman tersebut yang dimaksudkan oleh Dato' Azhar.	3	
		3 <i>faktor dalaman</i> yang dimaksudkan oleh Dato' Azhar H1 – Perubahan dalam kadar faedah H2 – Kadar cukai dan dasar kewangan kerajaan H3 – Prestasi/kualiti/pencapaian syarikat H4 – Aktiviti spekulasi/khabar angin H5 – Situasi politik dalam negara	1 1 1 1 1	3
e		Jelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi kadar premium insurans kebakaran?	6	
		Faktor-faktor yang mempengaruhi kadar premium insurans kebakaran ialah: F1 – Bahan binaan/usia bangunan H1 – diperbuat daripada bata atau kayu/lama atau baru F2 – Lokasi bangunan H2 – berhampiran bomba/petrol stesen F3 – Jenis barang yang disimpan H3 – barang mudah terbakar atau sebaliknya F4 – Langkah keselamatan H4 – penggera keselamatan/alat pemadam api/langkah keselamatan mencukupi F5 – Tempoh perlindungan H5 – semakin lama perlindungan-premium semakin rendah F6 – Jenis kegunaan bangunan H6 – kilang atau kediaman	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1	6

Soalan			Fakta dan Isi jawapan	Markah	
5	a	i	Nyatakan agensi yang bertanggungjawab mengeluarkan nombor pendaftaran di atas.	1	
			Jabatan Pengangkutan Jalan	1	1
		ii	Selain peranan tersebut, terangkan peranan-peranan lain agensi berkenaan.	8	
			F1 Menguji dan mengeluarkan lesen memandu	1	
			H1 mengelola ujian dan mengeluarkan lesen kepada yang lulus mengikut jenis dan kelas	1	
	b	i	F2 Mendaftar kenderaan bermotor	1	
			H2 Menyimpan rekod jenis / pemilik kenderaan	1	
			F3 Menkuatkuasakan undang-undang jalan raya	1	
			H3 kerjasama dengan pihak polis trafik berkaitan keselamatan jalan raya contohnya peraturan jalan raya	1	
			F4 Mengeluarkan premis sekolah memandu	1	
		ii	H4 menjamin kualiti pengajaran cara memandu selaras keselamatan jalan raya	1	
			F5 Bekerjasama dengan agensi kerajaan lain	1	
			H5 Jabatan Alam Sekitar / LPKP / PUSPAKOM	1	8
		i	Apakah yang dimaksudkan dengan sistem tersebut.	2	
			Maksud TIR:	1	
			Membolehkan muatan kargo di hantar melalui negara perantaraan tanpa diganggu Kastam/tiada prosedur pemeriksaan kastam	1	2
		ii	Terangkan bagaimana sistem ini dijalankan.	4	
			Operasi sistem TIR:	1	
			H1 Isi kandungan kontena disahkan kastam negara pengeksporth	1	
			H2 Kontena di paterikan	1	
			H3 Dibenarkan melalui negara pengantaraan tanpa pemeriksaan kas	1	
6	c		H4 Tiba di negara pengimport, kontena dibuka dan di periksa	1	
			H5 Cukai dikenakan / dicajkan dan tiada cukai di negara pengantaraan	1	4
		i	i. Apakah perkhidmatan paling sesuai untuk situasi tersebut.	1	
			ii. Nyatakan kelebihan perkhidmatan yang dipilih.	3	
			Video conferencing (sidang video)	1	1
	d		Kelebihannya:		
			H1 jimat masa / menggalakkan semua kakitangan hadir	1	
			H2 jimat kos pengangkutan / penginapan	1	
			H3 maklumat jelas ada video dan suara / boleh bertanya	1	3
			Terangkan tiga ciri lain bagi sebuah gudang yang baik.	6	
			H1 Ruang luas / susun atur kemas	1	
			H2 Barang mudah disimpan / disusun dengan teratur, bagi	1	
			H3 Mempunyai ciri-ciri keselamatan	1	
			H4 Elak kerosakan / kecurian / kebakaran / contoh	1	
			H5 Kesesuaian gudang	1	
7	e		H6 Mengikut jenis borang / contoh	1	
			H7 Pengurusan yang cekap	1	
			H8 Ada sistem rekod / mengamalkan pengkhususan / ada aliran	1	
			H9 Mempunyai peralatan mencukupi	1	
			H10 Peralatan atau jentera memudahkan kerja pemunggaan, penyusunan / contoh	1	6

Soalan				Fakta dan Isi jawapan		Markah	
6	a	i		Nyatakan jenis perniagaan yang dijalankan oleh Agensi NAJ Sdn. Bhd.		1	
				Perniagaan antarabangsa		1	
		ii		Berikan empat kebaikan bagi jenis perniagaan di (a) (i) kepada sesebuah negara			4
				Kebaikan kepada Negara: F1 Meningkatkan pendapatan Negara F2 Meningkatkan pembangunan Negara F3 Meningkatkan pertukaran asing F4 Mengurangkan pengangguran F5 Mengatasi masalah kekurangan bahan mentah dan kepakaran		1 1 1 1 1	4
	b			Jelaskan dua jenis inden yang diterima oleh Agensi NAJ Sdn. Bhd. dari pengimpot di luar negara.		6	
				Dua jenis inden: F1 inden terbuka H1 tidak menyatakan nama pembekal/pengeluar H2 barang dapat didapati dari mana-mana pembekal yang menawarkan harga yang lebih rendah/lebih cepat F2 inden tertutup H1 nama pembekal telah dinyatakan dalam inden H2 barang mestilah dibeli dari pembekal yang dinyatakan/lebih lambat/mungkin margin untung kurang $2F + 4H = 6m$		1 1 1 1 1 1	6
	c			Mengapakah Agensi NAJ Sdn. Bhd membeli kenderaan dengan menggunakan kaedah sewa beli?		5m	
				Menggunakan kaedah sewa beli kerana: H1 dapat menggunakan barang sebaik sahaja pendahuluan dibayar H2 barang boleh digunakan untuk menghasilkan pendapatan H3 taraf hidup meningkat H4 boleh menikmati perkhidmatan selepas jualan seperti servis/ganti rugi jika rosak H5 dapat berjimat cermat Mana-mana $5H \times 1m = 5m$		1 1 1 1 1	5
	d			Apakah kebaikan menghantar barang dengan menggunakan kapal terbang?			4
				Kelebihan menggunakan kapal terbang: H1 cepat/pantas H2 kawalan keselamatan yang ketat H3 sesuai untuk barang yang diperlukan dengan segera/mahal/tidak tahan lama H4 kadar insurans rendah kerana risiko kerosakan kurang H5 kos pergudangan kurang/barang dapat dihantar segera Mana-mana $4H \times 1m = 4m$		1 1 1 1 1	4

	e		Terangkan peranan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam membantu usahawan bumiputera	5	
			Peranan MARA :		5
			H1 membangun kawasan perindustrian	1	
			H2 membina kompleks perniagaan/bazar	1	
			H3 mengenalpasti tapak perniagaan yang sesuai di bandar-bandar	1	
			H4 memberi latihan/kemahiran/bimbingan dalam kegiatan perniagaan	1	
			H5 memberi bantuan kewangan	1	
			H6 menguruskan perkhidmatan kepakaran/perakaunan dalam sesuatu projek	1	
			Mana-mana 5Hx1m=5m		

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT